



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
7 OGOS 2019 (RABU)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- Sewa Tapak Tinggi, Jual Barang Mahal

4



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
1-7 OGOS 2019

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Sewa Tapak Tinggi, Jual Barang Mahal
Muka Surat	4

Laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan MyCC

Sewa tapak tinggi, jual barang mahal

24 7/8/19 ms 4

Warga asing kawal harga ikan untuk kegunaan 10 juta pengguna

Oleh Mohd Azis Ngah dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Satu lot niaga Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) dijual pada harga RM1.3 juta secara tunai dan pemilik baharu kemudian menyewakan tapak berkenaan pada kadar antara RM20,000 hingga RM30,000 sebulan.

Lot itu dipecah kepada empat lot mini yang disewakan RM3,000 setiap lot. Lot berkenaan beroperasi dua syif sehari, bermakna pemilik lot akan memperoleh RM24,000 dalam sebulan.

Sedangkan, kadar sewa ditetapkan cuma sebanyak RM1,400 sebulan bagi setiap lot yang berkeluasan 20 kaki persegi.

Kadar sewa yang tinggi itu antara beban ditanggung peniaga di PBKL yang lebih popular dengan gelaran Pasar Borong Selayang.

Akibatnya, mereka akan menaikkan harga tinggi kepada

pembeli, sekali gus menyaksikan bekalan ikan serta sayur dijual mahal.

Pendedahan mengenainya terkandung dalam laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) membabitkan lima produk utama iaitu ikan, daging, susu formula, sawi hijau dan kubis bulat.

PBKL adalah pembekal utama ikan dan sayur untuk pasaran hampir 10 juta pengguna di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka serta beberapa kawasan di Pahang dan Perak.

Mengulas perkara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, mengakui lebih 90 peratus daripada pekerja di PBKL ialah warga asing termasuk yang tidak memiliki permit kerja.

"Urusan di PBKL adalah berrasakan kepercayaan dan bayaran dibuat secara tunai atau kredit. Pekerja asing yang sudah lama bekerja diberi kepercayaan oleh tauke untuk menguruskan bekalan dan menjual ikan."

"Mereka menggunakan perluang itu dengan mengenakan harga yang mahal, mengaut untung atas angin' dan merosakkan persaingan harga secara sihat di PBKL," katanya.

Lebih memburukkan keadaan,



Pekerja asing ambil kesempatan berniaga di Pasar Borong Selayang.

ada pekerja asing yang tidak berlesen atau tidak menyewa tapak menjual ikan di tepi jalan dengan harga empat kali lebih murah berbanding di pasar utama.

Berikutnya itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membahagikan sistem pengurusan PBKL kepada tiga pengendali berbeza bagi memastikan pengurusan cekap.

Konsortium Pasar Borong Sdn Bhd dan pengendali individu mengendalikan perkhidmatan jualan borong, manakala ILUM Holdings menjadi perkhidmatan tempat letak kenderaan dan Forever Fresh Cold Storage Sdn Bhd menguruskan bilik sejuk beku.

Namun, semua perkhidmatan disediakan pengendali itu perlu 'di bayar' peniaga termasuk tong

ikan, 'teksi' atau penghantar barang dan pemunggan barang.

Peniaga tidak dibenarkan mendapatkan bekalan ais daripada pembekal luar dan ikan yang tidak habis dijual dilarang dijual atau dibawa keluar dari PBKL.

Iskandar berkata, PBKL sentiasa menjadi pusat rujukan harga di seluruh negara dan jika mereka menaikkan harga, seluruh pusat pemberongan utama lain juga akan mengambil tindakan sama.

Sehubungan itu, katanya, MyCC mencadangkan supaya PBKL dinilai taraf menjadi pasar raya lebih moden, sistematik, bersih serta dilengkapai kemudahan keselamatan lebih baik.

Penambahan baik perlu kerana pusat pengumpulan bekalan bahan mentah berusia hampir 50 tahun itu sudah tidak mampu menampung keperluan pembekalan keperluan, selain terdedah kepada sistem manipulasi dan monopoli.

"Jangan tutup PBKL, tetapi naik taraf. Memang ramai yang tidak akan bersatu tetapi kita mestilah belajar bagaimana Hentian Bas Paduraya kini bertukar wajah menjadi Terminal Bersepadu Selatan (TBS).

"Ia jauh lebih moden, besar, keemasan dan sistem keselamatannya juga lebih baik," katanya.